

11 MAY 1996

Umno-S46

KEHADIRAN SAYA NOSTALGIK, KATA RAIS

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Bagi Datuk Rais Yatim, kehadirannya pada upacara perasmian Konvensyen Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini merupakan satu peristiwa nostalgik.

"Nostalgik...ada kemahuan kuat untuk perpaduan" kata Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu yang berada di PWTC dengan Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah sebagai tetamu.

Sememangnya kehadiran mereka nostalgik kerana inilah kali pertama kedua-dua orang kuat S46 itu muncul pada acara Umno sejak mereka meninggalkan parti itu untuk menubuhkan S46 lapan tahun lepas.

Kemunculan mereka pada upacara itu memberi signifikan politik ekoran pengumuman Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal minggu ini bahawa Tengku Razaleigh dijangka kembali ke pangkuan Umno.

Ini kemudiannya disahkan oleh Tengku Razaleigh yang berkata beliau dijangka akan berbuat demikian dengan seluruh anggota parti demi perpaduan Melayu.

Kehadiran kedua-dua mereka menjadi tumpuan para tetamu dan pihak media terutama jurugambar yang sudah begitu lama tidak mendapat peluang semupama itu.

Beberapa tokoh lain yang menjadi perbualan dalam kehangatan politik negara sejak dua minggu lepas, juga menarik perhatian hari ini.

Mereka termasuk Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Salleh Said Keruak, yang masing-masing telah menyerahkan surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota dewan undangan negeri Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid, yang disebut-sebut sebagai pengganti Osman dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, yang dijangka menggantikan Salleh turut hadir.

Salleh akan melepaskan jawatan selaras dengan langkah Barisan Nasional (BN) menggilir-gilirkan teraju kerajaan negeri di kalangan tiga masyarakat utama di Sabah.

Juga mendapat perhatian yang agak "luar biasa" daripada media ialah Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang telah mendaftar untuk mencabar Datuk Seri Rafidah Aziz bagi jawatan Ketua Wanita Umno pada pemilihan parti itu Oktober depan.

Inilah kali pertama Rafidah akan ditentang sejak 12 tahun menyandang jawatan itu. -- BERNAMA

AZZ AU NMO